



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : hasar@moh.gov.my

Ruj. Kami : (15) KKM/62/BPKK (RH)RH 3-e(1) Jld.3
Tarikh : 30 Jun 2014

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 12 TAHUN
2014 : PELAKSANAAN PERKHIDMATAN PERAWATAN DOMISILIARI DI
PERINGKAT PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan daripada Mesyuarat Halatuju Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama YB. Menteri Kesihatan (YBMK) yang telah diadakan di Melaka pada 18 - 20 Oktober 2013 di mana perkhidmatan kesihatan domisiliari di kesihatan primer dicadangkan bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit yang discaj dari hospital bagi memastikan penjagaan kesihatan pesakit dapat diteruskan (*continuity of care*). Selain itu, menyokong keluarga pesakit melalui latihan kepada penjaga dalam aspek jagaan kesihatan pesakit di rumah dan mengurangkan kemasukan semula pesakit ke hospital.
3. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di Kesihatan Primer yang akan dilaksanakan adalah penyelarasan perkhidmatan perawatan di rumah yang sedia ada yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) pada tahun 2001 dan dirintis di 5 klinik kesihatan dan aktiviti di bawah program NBOS7 : *1Malaysia Family Care* yang bermula pada tahun 2012.
4. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari ini disediakan untuk pesakit terlantar yang stabil, yang discaj dari hospital atau rujukan dari klinik kesihatan. Perawatan ini dijalankan oleh anggota kesihatan yang dilatih dan diberikan di rumah pesakit.

5. Garispanduan pelaksanaan telah dikeluarkan bagi memastikan tatacara pelaksanaan oleh fasiliti kesihatan adalah beretika dan berkualiti. Garispanduan rujukan MOH/K/ASA/58.14(G.U) tahun 2014 ini boleh dimuat turun dari laman web KKM www.moh.gov.my.

6. Perkhidmatan ini diberikan percuma, sekiranya kes dirujuk oleh hospital/klinik kesihatan kerajaan mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan KK/BP/WAI(S)/09/692/79Jld.5 sk.2/2013(1b) bertarikh 7 Jun 2013. Bagi kes yang membuat permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan, Perintah Fi (Perubatan)1982-Akta Fi 1951 perlu dipatuhi. Selain itu, penjaga pesakit perlu membeli sendiri peralatan yang tidak dibekalkan.

7. Bagi tujuan pemantauan dan rekod, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM memerlukan kemajuan pelaksanaan kesemua aktiviti Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) **SECARA BULANAN**.

7.1 Reten Yang Berkaitan:

Reten Pelaksanaan PPD Di Fasiliti Kesihatan KKM (Reten PPD), format ini adalah untuk mengumpul data mengenai:

- Bilangan PPD ditubuhkan
- Bilangan anggota PPD dilatih
- Bilangan pelanggan didaftar
- Bilangan pelanggan didiscaj
- Bilangan pelanggan didiscaj atas risiko sendiri
- Bilangan pelanggan dirujuk ke agensi lain /hospital
- Jenis perkhidmatan disediakan
- Bilangan penjaga yang dilatih

7.2 Data-data dikumpul adalah untuk memastikan Indikator *outcome* tercapai , iaitu :

- Kemasukan semula ke hospital dalam jangkamasa PPD
- Komplikasi semasa tempoh perkhidmatan (Bilangan kes mendapat kudis tekanan baru)
- Peratus kes yang berjaya diambil alih oleh penjaga
- Peratus kes ulangan (kes yang didaftar semula ke PPD)

8. Sehubungan itu, pihak Negeri diminta untuk melaksana Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di kesihatan primer seperti berikut:

8.1 Memberi kerjasama dan memastikan pelaksanaan inisiatif ini di semua kemudahan kesihatan KKM secara berperingkat.

8.2 Mengenalpasti anggota yang bertanggungjawab untuk mengendalikan reten pada peringkat klinik kesihatan, pejabat kesihatan daerah, hospital (daerah dan negeri) dan jabatan kesihatan negeri. **Reten Pelaksanaan PPD Di Fasiliti Kesihatan, KKM** - reten dihantar ke ibu pejabat KKM melalui emel sebelum / pada 15hb setiap bulan kepada alamat emel: **retenbpbkk@moh.gov.my**

9. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
62590, Putrajaya.

No. Telefon : 03 - 8883 4011


No. Faks : 03 - 8888 6150

10. Semoga dengan pelaksanaan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari ini, dapat memberikan rawatan yang optimum untuk rakyat selaras dengan misi dan visi KKM disamping dapat mengurangkan perbelanjaan kesihatan. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang iktihlas,


(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
5. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM